



# KENYATAAN MEDIA

*Untuk siaran segera*

## **ABM WILAYAH SARAWAK & CIDB TECHNOLOGIES LAHIR LEBIH 65,000 PEKERJA MAHIR BINAAN**

**KUCHING, SARAWAK (4 Oktober 2022)** - Akademi Binaan Malaysia (ABM) bersama CIDB Technologies Sdn Bhd (CIDB Tech) di bawah kelolaan Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan (CIDB) hari ini meraikan kejayaan seramai 120 orang pelatih ABM Wilayah Sarawak dan CIDB Tech dengan penyampaian Sijil Kompetensi Kemahiran Pembinaan (SKKP) CIDB, sekaligus mengiktiraf para pelatih ini sebagai tenaga pekerja mahir.

Pelatih-pelatih yang diraikan berjaya memperolehi SKKP CIDB melalui latihan dan penilaian yang diambil berdasarkan 10 tred dalam latihan kompetensi kemahiran Pembinaan yang meliputi kluster bidang Bangunan, Jentera Berat, Pendawaian Elektrik dan Kimpalan. Majlis diadakan di Pusat Konvensyen CIDB Sarawak.

Sehingga September 2022, lebih dari **65,000** pekerja mahir binaan berjaya dilahirkan oleh ABM Wilayah Sarawak sejak penubuhannya pada tahun 2000 dan CIDB Tech yang memulakan operasi pada tahun 2018. Jumlah tersebut merangkumi pelatih di bawah Program Belia dan Personel Binaan.

Menerusi program ABM Wilayah Sarawak dan CIDB Tech khususnya, belia-belia lepasan sekolah dan personel binaan akan mengikuti pelbagai kursus kemahiran yang berimpak tinggi, termasuklah Operasi *Backhoe Loader*, Operasi Kren Bergerak, Pemasangan Perancah (*Scaffolding*), Kimpalan (*Welding*) dan lain-lain lagi.

Bersempena Majlis Graduasi ini, Timbalan Menteri Perancangan Bandar, Pentadbiran Tanah & Alam Sekitar Sarawak telah menyampaikan Anugerah Pelatih Cemerlang kepada 7 orang pelatih dan seorang alumni ABM yang telah diangkat sebagai Ikon TVET Pembinaan bagi Wilayah Sarawak.

Majlis graduasi pelatih-pelatih ABM Wilayah Sarawak dan CIDB Tech ini dirasmikan oleh **YB Datu Haji Len Talif Salleh**, Timbalan Menteri Perancangan Bandar, Pentadbiran Tanah & Alam Sekitar Sarawak yang mewakili **Dato' Sri Haji Fadillah bin Yusof**, Menteri Kanan Kerja Raya. Turut hadir pada majlis tersebut, **Datuk Ir. Ahmad 'Asri Abdul Hamid**, Ketua Eksekutif CIDB Malaysia, **Encik Supian Musa**, Ketua Eksekutif, CIDB Holdings, **Encik Abdul Rahman Ahmad**, Ketua Pegawai Eksekutif Akademi Binaan Malaysia (Wilayah Sarawak) dan **Encik Mohamad Darus Bin Taib**, Ketua Pegawai Eksekutif CIDB Technologies Sdn Bhd.

ABM dan CIDB Technologies adalah pusat penilaian dan kawasan di bawah kendalian CIDB Malaysia yang memberi peluang kepada golongan belia dan personel binaan bagi mendalami kemahiran dalam industri binaan. Kampus-kampus ABM dan CIDB Tech beroperasi di kawasan koridor ekonomi seluruh Malaysia termasuk Kuala Lumpur, Kedah, Johor, Terengganu, Sabah dan Sarawak.

Untuk maklumat lanjut sila layari [www.cidb.gov.my](http://www.cidb.gov.my) / [www.akademibinaan.com.my](http://www.akademibinaan.com.my) / [www.cidbtech.com.my](http://www.cidbtech.com.my)

#####

---

### **Mengenai CIDB Malaysia**

Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan (CIDB) ditubuhkan menerusi Akta Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan 1994 (Akta 520) bagi membina kapasiti dan kapabiliti industri pembinaan melalui peningkatan kualiti dan produktiviti dengan memberi penekanan kepada profesionalisme, inovasi dan pengetahuan ke arah kehidupan yang berkualiti.

---

**Untuk maklumat lebih lanjut, sila hubungi:**

**CIDB Malaysia**

*Noryani Ismail*      [noryani@cidb.gov.my](mailto:noryani@cidb.gov.my)      019 – 285 6867

*Noraini Fadzil*      [noraini.fadzil@cidb.gov.my](mailto:noraini.fadzil@cidb.gov.my)      019 – 226 2659

*Dikeluarkan bagi pihak CIDB oleh NagaDBB Tribal*

**NagaDDB Tribal**

*Kek Jay Lyn*      [jaylyn.kek@nagaddbtribal.com.my](mailto:jaylyn.kek@nagaddbtribal.com.my)      012 – 305 8773

*Amiruddin Azran*      [amiruddin.azran@nagaddbtribal.com.my](mailto:amiruddin.azran@nagaddbtribal.com.my)      011 – 1145 2867